

MEMBONGKAR HUBUNGAN KEKELUARGAAN DAN POLITIK SILAM KERAJAAN SAMBAS DAN BRUNEI: KAJIAN KUALITATIF BERASASKAN MANUSKRIP

AL-SULTAN MUHAMMAD SHAFIUDDIN

EXPLORING THE PAST FAMILY AND POLITICAL RELATIONS OF
SAMBAS AND BRUNEI: A QUALITATIVE STUDY BASED ON
MANUSCRIPTS AL-SULTAN MUHAMMAD SHAFIUDDIN

Abdul Razak Abdul Kadir¹
Nurul Azhar Ahmad²
Siti Asmah Khalid³

¹Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Malaysia,
(E-mail: abdurak1@uitm.edu.my)

²Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Malaysia,
(E-mail: 2021243836@student.uitm.edu.my)

³Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Malaysia,
(E-mail: 2021246152@uitm.edu.my)

Article history

Received date : 17-3-2022
Revised date : 18-3-2022
Accepted date : 15-6-2022
Published date : 30-6-2022

To cite this document:

Abdul Kadir, A. R., Ahmad, N. A., & Khalid, S. A.
(2022). Membongkar Hubungan Kekeluargaan Dan
Politik Silam Kerajaan Sambas Dan Brunei: Kajian
Kualitatif Berasaskan Manuskrip. *Journal of Islamic,
Social, Economics and Development (JISED)*, 7(45),
258 - 272.

Abstrak: Brunei Darussalam berpengaruh amat besar dalam pemerintahan setelah kejatuhan Majapahit di Kepulauan Borneo dan sekitarnya. Keputusan yang bijak untuk menghilangkan persaingan kuasa, maka Sultan Abdul Jalil Al Jabbar, kekanda Raja Tengah memerintah baginda untuk memerintah Sarawak. Raja Tengah suka mengembara sehingga ke Johor, Sukadana dan Sambas. Manuskrip Al Sultan Muhammad Shafiuddin adalah manuskrip tulisan tangan setebal 56 muka surat yang merupakan tulisan tangan Sultan Saffiuddin 2. Manuskrip ini amat penting diungkapkan kerana membincangkan hubungan salasilah dan politik Brunei, Sarawak dan Sambas. Objektif kajian ini melihat dua hal terpenting iaitu melihat pola hubungan kekeluargaan antara Sambas dan Brunei dan kedua ialah melihat hubungan politik antara Sambas dan Brunei. Metodologi kajian ini menggunakan metod kualitatif kesejarahan iaitu menggunakan pendekatan Kuntowijoyo (1995). Metod ini menggunakan empat tahapan iaitu Heuristik (pengumpulan sumber-sumber sejarah). Dalam kajian ini, menggunakan manuskrip Al Sultan Muhammad Shafiuddin-Raja Sambas 1. Bagi menguatkan kajian manuskrip ini digunakan manuskrip salasilah Brunei. Selepas itu tahapan kedua iaitu mengkritik manuskrip tersebut dari segi eksternal (luaran seperti kertas dan ink dakwat dan lain-lain) dan internal (kritik teks sejarah sama ada fakta sejarahnya konsisten atau ada fakta yang mencurigakan). Tahapan ketiga ialah interpretasi sejarah iaitu menghuraikan fakta sejarah dengan kenyataan yang ada dengan memberi nilai faham yang sebenar. Tahapan terakhir ialah penulisan historiografi iaitu penulisan sejarah. Dapatan kajian artikel ini ialah

mengesahkan bahawa hubungan kesultanan Sambas dan Brunei dari aspek salasilah adalah tepat dan menyakinkan. Dapatan kedua meskipun ada kecurigaan terhadap pembunuhan Sultan Tengah, ayahanda sultan Shafiuddin 1 tetapi hubungan politik masih tetap ada dengan kerajaan Brunei mengiktiraf kuasa yang dipegang oleh Sultan pertama Sambas dan selepas itu disusuli oleh anak kepada Sultan Shafiuddin 1 (Raden Bima) sebagai sultan kedua yang sah. Kajian ini memang perlu untuk mengukuhkan fakta bahawa Sambas dan Brunei mempunyai ikatan yang kukuh dalam kekeluargaan dan politik.

Kata kunci: Brunei, Membongkar, Manuskrip, Sambas, Shafiuddin

Abstract: Brunei Darussalam had a huge influence in the government after the fall of Majapahit in the Borneo Islands and surrounding areas. A wise decision to eliminate power competition, then Sultan Abdul Jalil Al Jabbar, the brother of the Raja Tengah ordered him to rule Sarawak. Raja Tengah enjoys to travel as far as Johor, Sukadana and Sambas. The manuscript of Al Sultan Muhammad Shafiuddin is a 56 pages handwritten manuscript which is the handwriting of Sultan Safiuddin 2. This manuscript is very important to highlight because it discusses the genealogical and political relations of Brunei, Sarawak and Sambas. The objective of this study are; firstly to look at the pattern of family relations between Sambas and Brunei and secondly is to look at the political relations between Sambas and Brunei. The methodology of this study is using the qualitative method of history, that is the approach of Kuntowijoyo (1995). This method uses four stages, namely Heuristics (collection of historical sources). In this study, using the manuscript of Al Sultan Muhammad Shafiuddin-Raja Sambas 1. To strengthen the study of this manuscript, the Brunei genealogy manuscript was used. After that, the second stage is to critique the manuscript in terms of external (external such as paper, ink etc.) and internal (critique of the historical text whether the historical facts are consistent or there are suspicious facts). The third stage is the interpretation of history, which is to describe historical facts with existing statements by giving the value of real understanding. The last stage is historiography, which is historical writing. The findings of this article confirm that the relationship between the Sambas sultanate and Brunei in terms of lineage is accurate and convincing. The second finding despite suspicions of the assassination of Sultan Tengah, the father of Sultan Shafiuddin 1, but political ties still exist with the Brunei government recognizing the power held by the first Sultan of Sambas and later followed by the son of Sultan Shafiuddin 1 (Raden Bima) as the second legitimate sultan. This study is indeed necessary to reinforce the fact that Sambas and Brunei have strong ties in family and politics.

Keywords: Brunei, Exploring, Manuscript, Sambas, Shafiuddin

Pengenalan

Menurut (Barkat, 1903; Jaelani, 2014; Mujani & Yusuf, 2016) Pembunuhan Sultan Tengah di Batu Buaya Santubong, Sarawak sebagai titik pengakhiran kesultanan Sarawak. Brunei tidak memberikan sebarang tanda untuk melantik putera Sultan Tengah, Raden Sulaiman untuk menjadi Sultan di Sarawak. Maka Sultan Tengah dianggap sebagai sultan pertama dan terakhir Sarawak. Penyebab kepada pembunuhan Sultan Tengah sehingga saat ini tidak ditemukan jawabannya. Tiada pihak yang ditunding atau yang bertanggungjawab atas kewafatan Sultan Tengah. Permaisuri Sultan Tengah, Ratu Suria dan putera dan puteri kembali ke Sambas kerana dari sudut legitimasi kekuasaan kesultanan Sarawak yang dipimpin oleh Sultan Tengah

menemui titik noktah. Ia tidak memungkinkan Raden Sulaiman kembali bertakhta di Sarawak sebagai sultan kedua Sarawak.

Oleh yang demikian, berdasarkan (Barkat, 1903; Jaelani, 2014) kembalinya mereka ke Sambas memotretkan sejarah baru di Sambas. Raden Sulaiman diangkat menjadi Sultan pertama dalam kesultanan Sambas. Dalam mendapatkan legitimasi politik antarabangsa, Raden Sulaiman yang menggunakan gelar Sultan Muhammad Shafiuddin I (1675–1685) berhasrat mendapatkan pengiktirafan daripada kesultanan Brunei. Hasrat tersebut tertunai dengan pengiktirafan yang diberikan oleh kesultanan Brunei terhadap kedaulatan Sultan Muhammad Shafiuddin I (1675–1685) di Sambas. Dalam bab selanjutnya nanti, penulis menganalisa tentang melihat pola hubungan kekeluargaan antara Sambas dan Brunei dan kedua ialah melihat hubungan politik antara Sambas dan Brunei melalui kajian manuskrip tulisan tangan berusia 119 tahun iaitu manuskrip Sultan Muhammad Shafiuddin II (1866–1924). Manuskrip tersebut selesai ditulis pada tahun 1903.


Kajian Literatur

Kajian tentang hubungan Sambas dan Brunei banyak dibincangkan dalam penulisan buku dan jurnal-jurnal. Kajian (Suhardi, Mulyono, Syakhrani, Aslan, & Putra, 2020) yang mengkaji tentang pendidikan Islam di Sambas turut membahas tentang hubungan Sambas dan Brunei. Peranan Sultan Tengah dan Raden Sulaiman di Sambas amat besar iaitu membawa syiar Islam di Tanah Sambas yang awalnya mengamalkan ajaran Hindu. Penerimaan rakyat Sambas dengan ajaran Islam mengubah kerajaan Sambas kepada Islam. Apatah lagi Perkahwinan Raden Sulaiman dengan Mas Ayu Bungsu. Raden Sulaiman berketurunan darah raja iaitu Sultan Tengah (berasal Brunei). Ini menguatkan hubungan Sambas dan Brunei selanjutnya.

Melihat tulisan (Mohamed et al., 2018) yang memfokuskan tulisannya mengenai perkembangan pendidikan di Sambas. Dalam satu pembahasan dalam tulisannya ada mengkaji tentang hubungan kekeluargaan antara Sambas dan Brunei seperti mana penulis-penulis lain membincangkannya. Perkahwinan yang dimulai oleh Sultan Tengah dan kemudian disusuli oleh Raden Sulaiman, Putera Sultan Tengah dengan Mas Ayu Bungsu memberikan impak yang begitu besar terutama dalam penyebaran Islam di wilayah Sambas. Penyerahan kuasa wilayah Sambas kepada Raden Sulaiman akhirnya meletakkan Raden Sulaiman menjadi Sultan Sambas.

Kajian yang dibuat oleh (Posha, Sewang, Kara, & Siraj, 2018) mengenai hubungan Sambas dan Brunei dalam bab pendahuluan menjelaskan perkahwinan antara Raja Tengah dari Brunei yang menjadi Sultan Sarawak yang pertama berkahwin dengan Ratu Surya sehingga melahirkan anak bernama Raden Sulaiman. Raden Sulaiman ini yang berkahwin dengan Mas Ayu Bungsu dari Sambas. Hubungan ini menjadi titik awal kepada terlantiknya Raden Sulaiman menjadi Sultan pertama kerajaan Sambas.

Dalam kajian (Risa, 2016) membahaskan tentang bagaimana hubungan Sambas dan Brunei terjalin melalui hubungan kekeluargaan seperti yang tergambar dalam Gambar 1 di bawah ini:



Gambar 1: Hubungan Kekeluargaan Sambas Dan Brunei

Menurut kajian (Kratz, 1980) tentang hubungan Sambas dan Brunei memang menjadi rujukan ramai penulis terkemudian. Terutama melihat hubungan kekeluargaan dan politik antara dua kuasa Borneo tersebut. Gambar 1 di atas ada kesamaan dengan gambar tentang hubungan kekeluargaan yang turut menjadi sumber Salasilah Raja Sambas yang digunakan oleh Kratz (1980). Bahkan dalam gambar hubungan lebih lengkap sehingga keturunan Kesultanan Sambas yang berikutnya iaitu Sultan Umar Aqamaddin (1831-1846).

Metodologi Kajian

Metodologi kajian artikel ini menggunakan metod kualitatif kesejarahan iaitu menggunakan pendekatan Kuntowijoyo (1995), Louis Gottschalk (1975). Metod ini menggunakan empat tahapan iaitu Heuristik, Kritik, Intepretasi dan historiografi. Tahapan pertama menurut (Fitriani, Ma'mun, & Kosasih, 2019; Karmela, 2021; Sayono, 2021; Sidik & Sulistyana, 2021) iaitu heuristik (pengumpulan sumber-sumber sejarah sama ada sumber primer atau sekunder). Apakah yang dimaksudkan dengan heuristik dalam konteks ilmu sejarah? Menurut (Sayono, 2021) heusristik dalam ilmu sejarah bermaksud:

“heuristik merupakan langkah awal dalam metode sejarah berupa aktivitas mencari, menemukan dan mengumpulkan sumber sebanyak mungkin untuk dijadikan bahan memasuki tahap selanjutnya dalam penelitian sejarah”

Kajian (Sayono, 2021) menyatakan untuk langkah heuristik dalam ilmu sejarah perlu melalui tiga tahapan iaitu eksplorasi, identifikasi dan klasifikasi. Eksplorasi bermaksud usaha mencari sumber yang dikategorikan sebagai mempunyai informasi tentang peristiwa atau bahan sejarah yang dikaji. Untuk tujuan eksplorasi penulis sejarah boleh menggunakan pendekatan 5W1H iaitu *what, where, when, who, why* dan *how*. Identifikasi bermaksud aktiviti untuk mengenali sumber dengan memeriksa dan meneliti sumber-sumber sejarah yang dijumpai. Sumber sejarah menurut (Herlina, 2020) terdiri daripada teks, artifak (benda) dan lisan (melalui temubual dan lain-lain). Manakala klasifikasi sumber ialah meletakkan sumber-sumber yang ditemukan ke dalam kategor-kategori tertentu dengan mengklasifikasi sumber keada sumber primer atau sekunder. Bahan selain teks manuskrip turut digunakan sumber temubul sebagai sejarah lisan seperti mana yang diungkapkan oleh (Erman, 2011; Karmela, 2021) bahawa perlunya penulis menjalan temubual kepada pelaku sejarah atau informan yang mnegtahui fakta sejarah tersebut. Ia memudahkan dalam tahapan terakhir iaitu historiografi (penulisan sejarah).

Dalam kajian ini, penulis menggunakan manuskrip Al Sultan Muhammad Shafiuddin-Raja Sambas 1 (1903). Bagi menguatkan kajian manuskrip ini digunakan manuskrip (Abbas, tt; Basioeni, 1940; Imran, 1940; Ismail, 1982a; P. J. b. P. Israel, tt; Sambas, tt; Shafiuddin, 1905). Bagi mengukuh kajian ini, sumber sekunder yang digunakan ialah antaranya (Ardiansyah,

2020; Kratz, 1980; Larsen, 2012; Mardiyati, 2011) dan lain-lain. Manakala temubual dilaksanakan dengan mendatangi Urai Reza Fahmi (2017) untuk memberikan penjelasan dan penjabaran yang matang terhadap fakta yang tersembunyi.

Selepas itu, tahapan kedua iaitu mengkritik manuskrip tersebut dari segi eksternal (luaran seperti kertas dan ink dakwat dan lain-lain) dan internal (kritik teks sejarah sama ada fakta sejarahnya konsisten atau ada fakta yang mencurigakan). Tujuan daripada kritik ini menurut (M. Dien Majid, 2014; Sulasman, 2014) untuk mengenalpasti keabsahan dan kredibiliti sesuatu teks atau sumber yang berkaitan. Setiap sumber sejarah dibanding dengan lain untuk mengukur keaslian serta relevan dengan fakta sejarah yang dikaji. Ini disebut juga oleh (Alian, 2012) sebagai proses menguji sumber sejarah tersebut relevan atau sebaliknya. Di sini penulis membuat kajian terhadap manuskrip-manuskrip yang digunakan dan mendapati ia adalah asli dan ada kesinambungan antara satu sama lain.

Tahapan ketiga ialah interpretasi sejarah iaitu menghuraikan dan menganalisa fakta sejarah dengan kenyataan yang ada dengan memberi nilai faham yang sebenar. Salah satu cara interpretasi yang digunakan dalam sejarah ialah metod hermeneutika. Menurut (Sidik & Sulistyana, 2021) bahawa hermeneutika ialah sebagai satu upaya untuk memahami sebuah pemahaman apa juga keadaan seperti dalam teks atau ungkapan. Hermeneutika dalam penulisan sejarah sebagai salah satu metod menafsirkan teks. Penafsiran tersebut harus melalui kajian falsafah dan teori sehingga ia mampu membentuk disiplin berkaitan penafsiran teks (sumber sejarah). Pandangan ini dikukuhkan oleh (Sulasman, 2014) bahawa hermeneutika ialah:

“Hermeneutika yang bererti kepandaian menerangkan dan menafsirkan sesuatu, semula terbatas pada teori dan kaedah menafsirkan sebuah teks.....secara filologis dan teologis, Scheirmelier memperluaskan pengertian hermeneutika hingga meliputi teori pengetahuan pada umumnya, iaitu cara memahami dan menafsirkan sesuatu dipengaruhi oleh konteks historis”

Oleh yang demikian, menurut (Irwanto & Alian, 2014; Sulasman, 2014) menyatakan cara kerja hermeneutika adalah bagaimana interpretasi terhadap sumber sejarah yang bersifat teks (manuskrip asal atau salinan) atau verval (penutur sejarah) yang boleh menjadi penguat terhadap sumber sejarah yang bersifat teks. Kesemua bahan yang sedia ada dikategorikan untuk memudahkan pemahaman dan sekaligus menginterpretasi data-data sedia ada sehingga membentuk fakta yang baru. Oleh kerana data sedia ada kaitan aktiviti manusia yang berada dalam segmen zaman dan tempat maka perlu mengambil sikap atau kesimpulan yang matang. Ia ada kaitan apa yang diungkapkan oleh (Halim, Mustaqim, & Al Manaanu, 2021; M. Dien Majid, 2014) iaitu interpretasi yang dilakukan dengan cara interpretasi sintesis. Interpretasi sintesis mengumpulkan beberapa data dan menarik kesimpulan sehingga menimbulkan fakta yang baru. Ia sedikit berbeza dengan interpretasi analisis iaitu menghuraikan fakta satu persatu sehingga memperluaskan dan memperkayakan kenyataan fakta tersebut. Namun hakikatnya kedua-dua interpretasi tersebut sungguhpun proses pola berfikir yang berbeza tetapi dari aspek hasilnya tetap sama. Namun demikian, menurut (Purwanto, 2020) sejarah manusia tidak pernah lepas dari senantiasa ingin tahu, pemikiran yang sentiasa kritis dan penuh dengan imaginasi. Oleh yang demikian, dinamikanya pemikiran manusia seorang penulis sejarah harus memahami segmen pemikiran manusia supaya relevan. Dalam hal ini sumber manuskrip utama dijadikan sumber rujukan utama dalam melihat fakta yang diungkapkan. Kemudian dikukuhkan dengan manuskrip yang lain sebagai sokongan untuk membuat dan melahirkan fakta sejarah yang

relevan. Di samping itu penulis menggunakan sumber sekunder sebagai penguat dan penguat terhadap analisa yang dibuat.

Menurut (Agustian, Wibowo, & Utama, 2021; Irwanto & Alian, 2014) tahapan terakhir ialah penulisan historiografi iaitu penulisan sejarah berdasarkan fakta-fakta yang bersaling kait antara satu sama lain). Penulisan tersebut tidak terlepas dengan intepretasi yang menghidupkan semula fakta-fakta yang bersegmen. Kenyataan sejarah yang ditulis kelihatan “hidup” kerana diharmonikan dengan nilai falsafah dan teori sejarah. Historiografi dilihat oleh (Halim et al., 2021; M. Dien Majid, 2014; Sulasman, 2014) ialah merupakan representasi kesedaran penulis sejarah dalam masa atau zaman tersebut dan menyusun fakta sejarah dengan mempertimbangkan sumber yang relevan serta menyusun atur struktur dan gaya bahasa penulisan tersebut. Artikel ini ditulis berdasarkan manuskrip yang relevan dan dinukilkan dengan cermat berdasarkan fakta-fakta yang bersamaan antara satu sama lain sehingga fakta itu kukuh dan cermat. Dan antara fakta ke fakta lain ada hubungan yang mengikat dan dialirkan dalam analisa yang cukup matang.

Hasil Kajian

Naskah utama yang diperolehi oleh penulis di Sambas pada tahun 2017 iaitu tulisan tangan Sultan Muhammad Shafiuddin II bin Sultan Abubakar Tajuddin II (1866 - 1924) yang meriwayatkan salasilah kehidupan bermula dari Raden Sulaiman, Sultan Sambas 1 sehingga ke pemerintahan baginda Sultan Muhammad Shafiuddin II bin Sultan Abubakar Tajuddin II (1866 - 1924). Menurut naskah (Barkat, 1903) bahawa ia adalah naskah asli yang disalin oleh penulis melalui perjumpaan penulis dengan Urai Reza, Sekretaris Kesultanan Sambas merangkap Pemangku Kesultanan Sambas yang mempunyai hubungan persaudaraan dengan penulis. Tulisan naskah tersebut ialah tulisan jawi yang boleh dan mudah dibaca kerana struktur dan fizikal naskah tersebut masih utuh dan tersimpan dengan rapi.

Naskah (Barkat, 1903) ini mengandungi 56 muka surat termasuk kulit depan. Kulit depan menggunakan kain kuning yang berlapis dengan plastik. Terdapat lembaran lebih pada naskah tersebut yang tidak mempunyai catitan tangan atau apa juga tulisan. Menurut (Reza, 2017) beliau mengintrepetasikan bahawa Sultan Muhammad Shafiuddin II bin Sultan Abubakar Tajuddin II (1866 - 1924) meminta agar keturunannya meneruskan legasi penulisan salasilah keturunan Kesultanan Sambas.

Hubungan Kekeluargaan Antara Sambas Dan Brunei

Pemetaan sejarah antara Brunei dan Sambas dalam hubungan kekeluargaan atau pertalian darah (keturunan) adalah nyata jika memang dilihat dalam manuskrip yang merupakan bahan primer kajian ini . Nama Sambas sudah terwujud dalam manuskrip Negarakertagama seperti mana diungkapkan oleh(Lapian, 1996) yang menyatakan bahawa beberapa kuasa yang disebut dalam manuskrip tersebut iaitu Kapuas, Sampit, Kuta Waringin, Sambas, Pasir, Kutai dan lain-lain. Kalau melihat manuskrip (Barkat, 1903) dinyatakan dengan jelas susur galur yang tercatat seperti berikut:

“Adapun pancir titisan Raja Brunei yang masuk di Sambas iaitu asal mulanya Sultan Muhammad beranak perempuan belakikan (bersuamikan) menteri Raja Cina bernama Awang Santing digelar Sultan Ahmad beranak perempuan berlakikan Tuan Syarif Ali bin Hasan bin Abi Anmi Ibnu Berkat panjar Amir Hasan Cucu Rasulullah SAW datang dari negeri Thaif digelar Sultan Berkat beranakkan Sultan Sulaiman beranakkan Sultan Bolkih beranakkan Sultan Abdul Kahar beranakkan

Sultan Syaiful Rizal beranakkan Sultan Syah beranakkan Sultan Hasan beranakkan Sultan Abdul Jalil Akbar beranakkan Raja Tengah, ertinya anak yang Tengah”

Dalam pernyataan manuskrip tersebut di atas dengan jelas menyatakan hubungan tersebut iaitu kesultanan Brunei mempunyai hubungan langsung dengan kesultanan Sambas yang muncul selepas kewafatan Sultan Tengah. Hal ini turut diperkuatkan dengan manuskrip yang dirujuk kepada manuskrip Tarsilah Raja-Raja Dalam Brunei iaitu manuskrip (Abbas, tt) menyatakan hubungan antara Brunei-Sambas dari ikatan keluarga adalah seperti berikut:

“Pasal pancir Marhum Muhammad Ali anaknya yang tua bersama pengiran Di-Gadong Umar ialah banyak anak cucunya dan lagi saudaranya bersama Raja Bendahara dan Pengiran Bungsi namanya ialah beranakkan Raja Bendahara Alam anak Dato Sambas ialah Marhum Sulaiman [Putera Sultan Tengah-pen] kerana ialah jadi Raja Bendahara Pengiran Bungsu, bendahara di Negeri Berunai dan di Negeri Sambas saudaranya bernama Paduka Sultan Kamaluddin, ialah yang memberikan kerajaan kepada Sultan Muhammad Aliuddin menamai dirinya Paduka Maulana dan tiadalah kami sebutkan segala puteranya Marhum itu yang tiada tinggal anak cucunya beberapa puluh banyaknya”

Ungkapan dalam petikan manuskrip di atas menunjukkan bahawa jelas antara keterkaitan Brunei-Sambas melalui pertalian darah dari Sultan Tengah (Sarawak). Hal ini diperkuatkan oleh (Kratz, 1980) yang mengatakan bahawa Sultan tengah ialah seorang Putera Raja yang datang dari Brunei (boleh dilihat dalam gambar 1 di atas). Dari Sultan Tengah juga melahirkan beberapa ikatan kerajaan lain di Kalimantan iaitu kerajaan Matan. Merujuk kepada manuskrip yang sama (Abbas, tt) iaitu:

“Bermula pancir Raja Tengah, anak Marhum Tengah itu yang bernama Sultan Anum dan anak gundiknya bernama Pengiran Bendaara Raja Ludin bernama Pengiran Raja Seri Abdul dan Pengiran Mangku Negera dan anaknya di Negeri Matan dengan anak Penambahan bernama Penambahan juga dan Pengiran Bagus nama cucunya kerajaan di Matan sekarang ini. Adapun kerajaan di Sambas pertama Marhum tua Marhum Sulaiman beranakkan Marhum Bima iaitu Sultan Muhammad Jamaluddin beranakkan Sultan Kamaluddin beranakkan Sultan Abu Bakar beranakkan Sultan Umar Aqamaddin kerajaan di Negeri Sambas anak cucu Marhum Tengah dan setengah Raja di Negeri Matan Raja Bagus bernama Penambahan kerana anak Marhum Tengah ialah anak Marhum Di-Tanjung Paduka Seri Sultan Hasan, wallah wa’alam.”

Dalam kenyataan di atas kuat membuktikan eksistensi kekeluargaan terwujud antara dua kerajaan iaitu Brunei-Sambas. Amat jelas kekuatan Brunei mencakupi beberapa wilayah yang besar di Borneo (Kalimantan) meskipun penampilan secara politik dalam perbezaan pemerintahan.

Merujuk kepada manuskrip (P. J. I. A. P. Israel, tt) turut memberikan gambaran yang hampir sama dengan manuskrip sebelum ini tentang hubungan kekeluargaan Sambas-Brunei. Kenyataan di bawah menunjukkan tentang hubungan darah tersebut:

“Asal Sultan Haji Muhammad Ali yang tua bernama Pengiran Di-Gadong Umar namanya ialah banyak anak cucu dan Bendahara Pengiran Bungsu namanya ialah

yang bernama anaknya Raja Bendahara Alam anak Ratu Sambas ialah pancir Marhum Sultan Sulaiman dialah yang menjadi bendahara di dalam Negeri Brunei. Di Negeri Sambas ialah bernama Raja Bendahara Bungsu dan saudaranya bernama Seri Paduka Sultan Kamaluddin ialah yang memberi takhta kerajaannya kepada Sultan Muhammad Aliuddin dan dinamai akan dirinya Maulana Di-Kubah itulah tiada tinggal segala anak cucunya, dan seberapa lama diatas takhta kerajaannya tiada mendapat anak.

Adapun pancir Raja anak Marhum Sultan Tengah itu, iaitu yang bernama Sultan Anum dan gundeknya bernama Pengiran Bendahara Aliuudin Pengiran Raja Ari Abdullah bernama Pengiran Mangku Negera di Negeri Matan dengan anak Penambahan, maka yang menjadi Raja di Sambas Mangku Negara cucu Marhum Tuan. Marhum Sulaiman beranakkan Marhum Sultan Bima dan Sultan Bima beranakkan Sultan Muhammad Jamaluddin dan Sultan Kamaluddin beranak Sultan Abu Bakar beranak Sultan Umar Aqamaddin, maka itulah anak cucu Marhum Di-Tanjung Seri Paduka Sultan Hassan.”

Sebuah manuskrip yang diperolehi di Pusat Sejarah Brunei yang merupakan tulisan dari (Basioeni, 1940) turut membahaskan tentang hubungan darah antara Brunei-Sambas. Boleh dikatakan ia merupakan tulisan salinan dari (Basioeni, 1940) dari salah satu manuskrip yang tersebut di atas. Ini boleh dilihat penggunaan bahasa yang sama. Namun demikian manuskrip lebih mengutamakan lahirnya Sambas sebagai sebuah kerajaan Islam. Pada manuskrip ini awalnya membahaskan tentang lahirnya Brunei sebagai sebuah kerajaan yang kuat yang menguasai beberapa wilayah yang dianugerahkan ketika Majapahit melalui zaman kemundurannya.

Selain itu, ada satu manuskrip merujuk kepada hubungan kekeluargaan antara Brunei-Sambas iaitu merujuk manuskrip (Sambas, tt) yang menceritakan awal berdirinya Brunei dan berkembang sebagai negara yang berdaulat sehingga terjadinya kisah penentuan siapa yang layak menjadi sultan Brunei sama ada Sultan Jalilul Akbar dan Raja Tengah. Sultan Jalilul Akbar tahu bahawa Raja Tengah memang seorang pahlawan yang berani dan tiada siapa berani untuk bermusuhan dengannya. Dengan penuh hikmah supaya tidak timbul krisis saudara mara maka kekandanya menganugerahkan Sarawak (Sarawak lama) dan seribu orang (sakai) kepada Raja Tengah. Keakuran Raja Tengah untuk beralah dan beliau menerima anugerah wilayah Sarawak. Baginda sultan sempat mendirikan sebuah istana dan melantik beberapa orang kalangan pembesar untuk mentadbir Sarawak.

Merujuk (Kratz, 1980; Mardiyati, 2011) diangkatnya Sultan Tengah sebagai penguasa mutlak di wilayah Sarawak (Sarawak lama). Sultan Tengah belayar ke Johor dan terjadinya peristiwa yang menyebabkan Sultan Tengah pulang awal ke Sarawak. Namun demikian, mereka terpaksa singgah ke satu tempat iaitu Sukadana. Dalam tiga manuskrip ini menyebutkan Matan. Matan juga dikenali dengan Sukadana jika merujuk manuskrip (Shafiuddin, 1903). Kenyataan (Basioeni, 1940) adalah seperti berikut:

“Maka Radja Tengah poen berlajarlal dari sitoe djatoeh ke Soekadana, maka disamboot oleh Sultan Soakadana laloe diberi isteri dengan saudaranja jang bernama Ratoes Saria [Suria-pen]. Setelah barapa lamanja Radja Tengah di Soekadanan maka beranak lima orang. Jang Toea bernama Raden Soolaiman jang tengah bernama Raden Badar, jang moeda bernama Raden Abd. Wahhab, jang doea oarnng

perempoen. Hatta maka Radja Tengah doedoek doea laki isteri berbitjara hendak doedoek di nageri Sambas. Setelah itoe laki isteri mengadap kakanda Sultan Moehamad Tsafiodin, maka Radja Tengah poon berdatang sembah katanja djikalau kiranja ada ampoon koornia hamba toeankoe pohonkanlah Soengai Sambas too patik hendak doodook disana, maka telah dikoorniakan oleh Sultan Moehamad Tsafioedin akan Radja Tengah doodook di Sambas. Maka Radja Tengah poen bermoehoon hendak pergi ke Sambas, maka Sultan Moehammad Tsafioedin [Sultan Matan-pen] poon berserah akan saudaranja ia ke Sambas..”

Tercatit dalam manuskrip ini jumlah anak kepada Sultan Tengah seramai lima orang. Tiga orang putera dan dua puteri. Anak lelaki bernama Raden Sulaiman, Raden Badar dan Raden Abdul Wahab. Dilihat secara analisa teks manuskrip tersebut tadi menguatkan bahawa Raden Bima bukan anak kepada Sultan Tengah seperti termaktub dalam manuskrip (Sambas, tt). Di satu sudut lain, pada manuskrip ini tidak menyatakan dengan jelas siapa nama puteri-puteri Sultan Tengah. Nama yang tercatit dalam manuskrip (Barkat, 1903) ialah Raden Rasmi Puri dan Raden Ranta Wati. Dalam manuskrip tersebut menyatakan seperti berikut:

“Maka telah sudah yang demikian itu hatta beberapa lamanya telah berkasih kasihanlah Raja Tengah itu dua laki isteri maka ada pada suatu hari Raja Tengah pun muafakat ia laki isteri bicarakan hendak menjunjung duduk di tanah sungai Sambas maka pergilah ia menghadap kedua laki isteri itu kepada Duli Sultan Maka Raja Tengah pun berdatang sembah ke bawah duli Sultan Muhammad Shafiuddin maka sembahnya jikalau ada kiranya ampun kurnia Duli Tuanku patik mohonkan lah akan tinggal duduk di Sungai Sambas maka Sultan pun diamlah ia ketika itu tiada berkata-kata maka Raja Tengah pun telah kembali pulang ke rumahnya kedua laki isteri maka sepeninggal Raja Tengah pulang maka Sultan pun bertitah suruh memanggil segala menteri-menteri hulubalang Pengawa sekalian maka telah berhimpunlah akan segala menteri hulubalang dan Pengawa itu menghadap Duli Sultan maka titah Sultan bagaimana kiranya segala menteri ku ini akan hal Raja Tengah datang ia kepadaku hendak meminta duduk di Sungai Sambas maka sembah sekalian menteri hulubalang pengawa sepatutnyalah akan seperti permintaan Paduka adinda Raja tengah itu bertambah lagi. Raja Tengah itu jadi ipar bawah Duli Tuan Patik dan isterinya itu Saudara Duli Tuan Patik yang sepatutnya juga Paduka adinda laki isteri hendak minta duduk di Tanah Sambas sebaik-baiknyalah dan sepatut-patutnyalah juga adinda duduk di sana maka jangan tiada ada melainkan kita bertolong-tolongan kelak barang tiap-tiap suatu hal kesusahan dan kesulitan jangan sekali-kali lupa dan lalai selama-lamanya akan titah Sri Paduka Kanda itu maka sembah Raja Tengah atas titah itu. InsyaAllah Taala serta dengan berkat Daulat Duli Tuanku mudah-mudahan jangan menaruh lupa dan lalai akan sepeti titah itu setelah sudah yang demikian itu maka Raja Tengah pun kembali kedua laki isteri ke rumahnya maka Sultan pun sudah pertaruhkan akan saudaranya Ratu Suria kepada Raja Tengah. Maka adalah ketika itu Raja Tengah sudah dapat lima orang putera Tiga laki-laki dua perempuan yang tuanya laki-laki bernama Raden Sulaiman yang kedua bernama Raden Badaruddin yang ketika bernama Raden Abdul Wahab yang ke empat bernama Raden Rasmi Puri yang ke lima bernama Raden Ranta Wati...”

Pada manuskrip (Shafiuddin, 1905) tercatit susur galur perhubungan darah antara Brunei-Sambas dengan jelas. Manuskrip setebal 30 mukasurat ini memperjelaskan hubungan kesultanan Brunei-Sambas bermula Sultan Mohammad (Awang Alak Batatar) sehingga Sultan

Abdul Jalilul Akhbar (Marhum Tua) yang melahirkan anak Sultan Abdul Jalilul Jabbar (Raja Abdullah), Raja Tengah (Sultan Sarawak dan Sultan Muhyiddin (Raja Bongsu).

Pembunuhan Sultan Tengah di Batu Buaya merupakan peristiwa yang cukup signifikan. Hasrat setelah 40 tahun berkelana dan kembali ke Sarawak untuk memerintah semula Sarawak yang lama ditinggalkan tidak tercapai. Saat baginda Sultan Tengah membuang hajat di Batu Buaya Santubong Sarawak diambil kesempatan oleh orang kepercayaan untuk membunuhnya dengan menggunakan tempuling. Sultan Tengah cedera parah namun pembunuh berjaya dibunuh oleh Sultan Tengah. Namun selepas itu Sultan Tengah wafat dan dimakamkan di pemakaman di kaki gunung Santubong. Penulis tidak memfokuskan tentang pembunuhan ini tetapi ia menjadi latar belakang Raden Sulaiman dan bondanya kembali ke Sambas.

Setelah sekian lama di Sambas, Raden Sulaiman menjadi Sultan Sambas yang pertama yang membawa gelaran Sultan Muhammad Shafiuddin 1. Menurut manuskrip (Barkat, 1903) menyatakan bahawa:

“Sungai Teberau tempatnya di Lubuk Madung maka lalu ia membuat negeri di Lubung Madung serta dengan kota paritnya maka setelah jadi negeri itu Raden Sulaiman pun digelar oleh sekalian menteri-menteri dan rakyat digelar Sultan Muhammad Shafiuddin kerana mengikut gelaran bapa mudanya di negeri Sukadana maka tatkala bernegeri di Lubuk Madung itulah negeri Sambas yang mula-mula Rajanya yang bergelar Sultan Muhammad Shafiuddin bin Raja Tengah bin Sutan Abdul Jalil Akbar dari negeri Brunei Maka itulah Sultan Muhammad Shafiuddin yang memerintah negeri Sambas...”

Menurut (Larsen, 2012) Hasil perkahwinan Sultan Muhammad Shafiuddin 1 dengan Raden Mas Ayu Bongsu binti Ratu Sapundak (Ratu Sapundak ialah Raja Sambas) melahirkan putera iaitu Raden Bima (Sultan Muhammad Tajuddin-Marhum Bima), Raden Ratna Wati dan Raden Ratna Kumala Dewi. Merujuk (Ismail, 1982b) turut merungkai perhubungan darah antara Brunei-Sambas. Dalam manuskrip salasilah ini mengawali salasilah Brunei-Sambas dengan kisah yang sama iaitu bermula Sultan Mohammad (Awang Alak Batatar) sehingga Sultan Tengah sehingga putera baginda menjadi Sultan Sambas yang pertama. Salasilah ini merupakan salinan tulisan tangan dari manuskrip asal. Sayangnya penulis manuskrip salinan ini tidak menyatakan manuskrip asal yang disalin.

Dalam analisa teks di atas ternyata hubungan darah antara Sambas dan Brunei memang erat dan bukan sahaja kedua-dua negara tersebut bahkan dilibatkan dengan Sarawak sebagai batu loncatan berdirinya Kerajaan Sambas.

Hubungan Politik Antara Sambas Dan Brunei

Sejarah sebelum ini menyaksikan bahawa kedaulatan Brunei terhadap wilayah Borneo cukup signifikan. Sebahagian besar menguasai wilayah Borneo dan sebahagian lain tunduk dengan kekuasaan Brunei Darus Salam dengan menghantar ufti (atau dikenali pajak dan tidak semesti dalam bentuk emas).

Keterkaitan Brunei dengan Sambas disilangi kuasa Kerajaan Sarawak Darul Hana yang dipimpin awal oleh Sultan Tengah. Menurut, (Mardiyati, 2011; Mohamed et al., 2018; Posha et al., 2018; Siregar, 2013; Suhardi et al., 2020) kewujudan kesultanan Sambas berakar umbi dari pemerintahan Sultan Tengah di Sarawak. Pemetaan secara geogarfi dan mata rantai

hubungan serta pemerintahan antara Brunei-Sarawak-Sambas memang tidak dinafikan dalam bentuk sejarah kalau dilacak dalam konteks manuskrip. Menurut (Said, 2012) bahawa kuasa politik dan pemerintahan Brunei sehingga ke Sambas. Apatah lagi mempunyai hubungan dan kesamaan jika dilihat dalam beberapa manuskrip lama di Brunei dan Sambas. Hampir semua manuskrip sedia ada baik dari Brunei, Sarawak dan Sambas senada memperakui hal tersebut. Timbulnya Sarawak selepas Sultan Jalilul Akhbar merasakan Sultan Tengah perlu diposisikan sebagai “penguasa” atau sultan tetapi bukan di Brunei. Faktor politik yang matang dan cerdas ini supaya mengelak persaingan antara dua saudara ini, kerana keterampilan Sultan Tengah dalam pelbagai hal termasuk pemerintahan, perwatakan kepimpinan yang kuat dan sulit disaingi serta kebijakan politik yang matang. Sarawak sebagai wilayah yang dianugerahkan kepada Sultan Tengah. Cuma persoalannya di sini, penyerahan tersebut dalam bentuk kedaulatan sepenuhnya kepada Sultan Tengah atau masih dipengaruhi oleh Brunei dalam bentuk pengaruh pemerintahan dan politik.

Secara historisnya ternyata penyerahan tersebut sebagai asas batu loncatan untuk mengelak perselisihan saudara terjadi. Menurut (Mardiyati, 2011) selepas peristiwa pembunuhan Sultan Tengah selepas kembali dari Sambas oleh pengawal yang diistilahkan sebagai sakit “gila” ternyata Sarawak kembali ke “pangkuan” Brunei dengan diisytiharkan oleh Brunei menghantar beberapa Pangeran Brunei sebagai wakil penguasa Brunei.

Hubungan politik pemerintahan memang tetap ada antara Brunei, Sarawak dan Sambas atas faktor hubungan karabat meskipun ada selisih faham ketika persaingan terjadi sesama mereka terutama dalam pemetaan wilayah Sarawak pasca kewafatan Sultan Sarawak seperti terungkap dalam (Larsen, 2012) yang mana Sultan Tengah wafat pada tahun 1641. Sarawak pada asasnya di bawah Brunei atau di bawah Sambas. Namun demikian menurut kajian (Larsen, 2012) Sambas masih mempunyai pengaruhnya terhadap Sarawak kerana Raden Sulaiman yang menjadi Sultan Sambas pertama masih mengungguli Sarawak di bawah pengaruhnya kerana “perwarisan” dari ayahandanya, Sultan Tengah. Sepanjang kekosongan kepimpinan di Sarawak, Sarawak kekal di bawah penguasa tempatan. Namun demikian menurut temubual bersama Urai Reza Fahmi (2017) fasa awal kesultanan Sambas mempunyai pengaruh yang kuat dalam politik dan ekonomi di wilayah Sarawak terutama di sekitar jajaran pantai sehingga ke Santubong, Sarawak. Namun demikian, tiada sokongan manuskrip yang kukuh atas ungkapan tersebut sehingga data tersebut harus dikaji ulang untuk mendapat kepastian yang kukuh.

Namun demikian, oleh kerana tiga kuasa yang diikat dengan hubungan darah ini meskipun secara politik wujudnya “ketidakselesaian” antara satu sama lain, maka Sambas tetap “bersahabat” dengan Brunei. Paling tidak untuk memberikan pengiktirafan terhadap kedaulatan Sambas.

Bagi mengawali perbincangan berkaitan aspek politik pemerintahan bagaimana hubungan Brunei-Sambas dari aspek perakuan Brunei terhadap Putera Sultan Tengah, Raden Sulaiman menjadi Sultan Pertama Sambas. Bagi (Larsen, 2012) melihat bahawa dari awal pemerintahan Raden Sulaiman dan anaknya yang menjadi pengganti kepada baginda Raden Sulaiman mendapat perakuan langsung dari kesultanan Brunei. Raden Sulaiman menghantar seorang utusan untuk berjumpa dengan Sultan Abdul Jalilul Akbar di Brunei. Raden Sulaiman dianugerahkan dengan gelaran Sultan di Sambas. Sebuah majlis besar-besaran dibuat untuk sambutan anugerah tersebut yang dihadiri oleh Brunei sendiri. Namun demikian, (Larsen, 2012) tidak menyatakan majlis sambutan tersebut dilaksanakan di Sambas atau di Brunei.

Di satu sudut yang lain, penulis menimbulkan satu persoalan apakah Raden Sulaiman sebelum baginda menjadi sultan turut mendapat perkenan dari kesultanan Brunei secara langsung dengan Raden Sulaiman sendiri yang datang ke Brunei? Pemergian ini dibuat setelah utusannya pergi mengadap Sultan Brunei. Menurut (Sambas, tt) menyatakan bahawa ada seorang putera turut berjumpa dengan Sultan Brunei. Kenyataan adalah seperti berikut:

“Sebermula anakanda Baginda yang di hutan [Matan-pen] itu pun besarlah, maka digelar oleh Sultan Matan Pengiran Mangku Negara, sudah lama-lama jadi Penambahan pula. Sudah jadi Penambahan baharulah Baginda pergi ke Brunei mengadap ninda Baginda itu Sultan Muhyiddin. Bermula anakanda Baginda yang di Sambas itu pula masa ninda Baginda berangkat ke laut, iapun dipanggil oleh ninda Baginda, maka Raden Brunei itu mengadap ke kuala lalu dibawa pulang oleh Sultan Muhyiddin pulang ke Brunei. Setelah sampai ke Brunei maka ditabalkan menjadi Sultan Anum itulah asal Raja Sambas. Setelah sudah disuruh pulang ke Sambas memerintah Negeri Sambas diberi tanah antar Tanjung Dato’ dengan Batu Belah itulah tanah Sambas, lepas daripada tanah Matan Wallah Wa Allam”

Kalau penyataan di atas merujuk kepada Raden Sulaiman ada sudut kebenarannya juga kerana Raden Sulaiman yang menjadi Sultan pertama di Sambas. Ini perakui dalam kebanyakan manuskrip lama dan penulisan baru seperti dirujuk (Ardiansyah, 2020; Jaelani, 2014) dan lain-lain.

Turut yang menjadi titik persoalan ialah gelar Pengiran Mangku Negara yang bukan saja diberikan kepada Raden Sulaiman. Gelaran tersebut diberikan oleh Sultan Matan kepada adinda Raden Sulaiman iaitu Raden Badruddin. Gelaran Pengiran Mangku Negara dan kemudian menjadi Penambahan turut tercatat dalam manuskrip (Barkat, 1903) iaitu:

“...setelah selesailah dari memeliharaakan matinya Raja Tengah (1641) maka Ratu Surya dengan empat orang puteranya [dan puterinya-pen] kembali ke negeri Sukadana dan berapa lamanya sudah datang di Sukadana maka Raden Badarudin digelar oleh Sultan Sukadana Pengeran Mangku Negara sudah lama-lama jadi Panembahan pula sudah jadi Panembahan barulah Baginda itu ke Brunei menghadap nenda Baginda Sultan Mahyuddin itulah adanya”

Merujuk kepada (Ismail, 1982a; Kratz, 1980) ini turut diterima oleh putera Sultan Muhammad Shafiuddin menghantar Raden Bima ke Brunei untuk tujuan menggantikan beliau menjadi Sultan di Sambas. Sultan Muhyidin sendiri yang menyambut Raden Bima di Kelekak (sekarang Keleka-pen) dan membawa ke Brunei untuk memberi anugerah dan nobat serta hadiah iringan dari kesultanan Brunei. Menurut (Larsen, 2012) penganugerahan tersebut memberikan kuasa penuh ke Raden Bima. Namun demikian, menurut (Larsen, 2012) apakah gelaran Sultan yang dianugerahkan tersebut dikaitkan bersama dengan wilayah Sarawak? Ini perlu ada kajian lanjutan.

Fakta ini dikukuhkan dengan manuskrip (Barkat, 1903) yang menyatakan bahawa Raden Bima yang berkunjung ke Brunei berjumpa dengan Sultan Muhyiddin. Kenyataan adalah seperti berikut:

“Maka Raden Bima pun berlayarlah dari Sambas dengan tiga buah perahunya cukup alat senjatanya pergi ke negeri Brunei. Tatkala itu kebetulan Sultan Brunei ada di Kelakak lalu Raden Bima masuk ke Kelakak serta datang lalu pergi menghadap Sri Sultan Muhyiddin maka telah ketahu oleh baginda yang Raden Bima anak kepada Sultan Muhammad Shafiuddin Negeri Sambas jadi cucu oleh Raja Tengah Berunai yang beristerikan adik Sultan Muhammad Shafiuddin di Negeri Sukadana yang bernama Ratu Surya beranakkan Raden Sulaiman yang beristerikan anak Raja Sambas yang digelar sekarang Sultan Muhammad Shafiuddin Sambas mengikut gelaran kekanda ibunya yang di di Sukadana. Maka itulah pula sekarang yang menjadi Raja di Negeri Sambas maka itulah yang beranakan Raden Bima yang pergi ke Brunei ini kemudian Sri Baginda Sultan Mahyuddin pun berangkat dari Kelakak pulang ke Brunei. Adapun Raden Bima itu dibawa oleh baginda ke Brunei setelah sampai ke Brunei maka Raden Bima ditabalkan jadi Sultan Anum serta dikurniakan dengan kebesarannya dan serta dengan nobatnya hatta maka beberapa lamanya ia berhenti di Brunei maka ia pun hendak kembali ke Sambas serta membawa namanya, kebesarannya nobatnya yang dikurniai oleh Yang Dipertuan Brunei itu hatta maka setelah sudah berdatang sembah mohon kembali dan telah diizinkan oleh Sri Paduka kekanda Sultan Muhyiddin lalulah berlayar kembali ke Sambas tiada berapa lamanya di laut sampai iya ke Sambas...”

Perakuan tersebut menurut (Jaelani, 2014) bahawa hubungan darah melalui kekeluargaan dan perkahwinan dan sekaligus ditambah penobatan (pengakuan) kekuasaan politik memberikan kelangsungan keturunan Sultan Tengah di Sambas. Pengakuan tersebut baik *de facto* dan *de jure* adalah dasar pengukuhan yang sah dari aspek keberadaan hubungan Brunei-Sambas.

Kesimpulan dan Cadangan

Dapatan kajian ini ialah mengesahkan bahawa hubungan kesultanan Sambas dan Brunei dari aspek salasilah adalah tepat dan menyakinkan. Sesungguhnya hubungan kekeluargaan (salasilah) antara Sambas dan Brunei amat jelas disorot dalam manuskrip yang digunapakai. Kekeluargaan yang dilihat melalui hubungan Sultan Tengah (Sarawak) secara langsung dengan Brunei memberikan ruang kepada Sultan Shafiuddin 1 untuk mendapatkan pengakuan langsung kuasanya di Sambas daripada leluhurnya kesultanan Brunei. Dapatan kedua meskipun ada kecurigaan terhadap pembunuhan Sultan Tengah, ayahanda sultan Shafiuddin 1 tetapi hubungan politik masih tetap ada dengan kerajaan Brunei mengiktiraf kuasa yang dipegang oleh Sultan pertama Sambas dan selepas itu disusulkan oleh anak kepada Sultan Shafiuddin 1 (Raden Bima) sebagai sultan kedua yang sah dengan membawa hadiah, gelaran sultan dan nobat. Cadangan kajian masa hadapan kalau dapat dilihat hubungan Sambas dan Brunei ketika kuasa Barat mulai mempengaruhi wilayah Sambas dan Brunei terutama ketika Sambas dipengaruhi oleh Belanda dan Brunei dipengaruhi oleh British terutama aspek pemerintahan dan ekonomi.

References

- Abbas, A. (tt). *Tarsilah Raja-Raja Di Dalam Brunei*. [Duplicate]. Manuskrip Ampuan Abbas, Tarsilah Raja-Raja Di Dalam Brunei, (PS/PnB/BR/0000682,PS/A/BR/88/1995). Pusat Sejarah Brunei, Bandar Seri Begawan.
- Agustian, T., Wibowo, B., & Utama, E. J. P. (2021). Penguatan Pemahaman Teknik Penelitian Sejarah Menggunakan Media Film Pada Mata Kuliah Pengantar Ilmu Sejarah. *Sosial Horizon: Jurnal Pendidikan Sosial*, 8(1), 66-72.
- Alian, A. (2012). Metodologi Sejarah dan Implementasi dalam Penelitian. *Jurnal Pendidikan dan Kajian Sejarah (Criksetra)*, 2(2).
- Ardiansyah, Y. (2020). Perkembangan Islam Di Kesultanan Sambas Pada Masa Sultan Muhammad Syafiudin II (1866-1922 M). *Cendekia Sambas*, 1(2).
- Barkat, M. T. A. (1903, 4 Desember 1903). *Silsilah Raja Sambas*. Silsilah Sultan Muhammad Syafiuddin II. Istana Sambas.
- Basioeni, M. (1940). *Inilah asal moela2 Yang Djadi Orang Besar dinegeri Beroanai*. [Duplicate]. Sejarah Asal Usul Kerajaan Brunei-Awang Alak Betatar, (PS/A/BR/8/99 PS/PnB/BR/0000897). Pusat Sejarah Brunei, Bandar Seri Begawan.
- Erman, E. (2011). Penggunaan Sejarah Lisan Dalam Historiografi Indonesia. *Jurnal Masyarakat dan Budaya*, 13(1), 1-22.
- Fitriani, R., Ma'mun, T. N., & Kosasih, A. (2019). Kontribusi Penelitian Filologi untuk Pengembangan Studi Sejarah. *METASASTRA: Jurnal Penelitian Sastra*, 11(2), 181-192.
- Halim, F., Mustaqim, A. Y., & Al Manaanu, Y. (2021). Islamisasi Metode Penulisan Sejarah.
- Herlina, N. (2020). *Metode Sejarah*. Bandung: Satya Historika.
- Imran, I. M. M. B. (1940). *Sejarah Asal Usul Kerajaan Brunei-Awang Alak Betatar*. [Salinan Asal Dari Sejarah Asal Usul Kerajaan Brunei-Awang Alak Betatar]. Sejarah Asal Usul Kerajaan Brunei-Awang Alak Betatar, (PS/A/BR/8/99). Pusat Sejarah Brunei, Sambas.
- Irwanto, D., & Alian, S. (2014). Metodologi dan historiografi sejarah. In: Eja_Publisher, Yogyakarta.
- Ismail, S. (1982a). *Salasilah Raja-Raja Sambas*. Sejarah Kerajaan Sambas, (PS/A/BR/7/99). Pusat Sejarah Brunei, Brunei.
- Ismail, S. (1982b). *Salasilah Raja-Raja Sambas*. Sejarah Kerajaan Sambas, (PS/A/BR/7/99). Pusat Sejarah Brunei.
- Israel, P. J. b. P. (tt). *Salasilah Raja Berunai*. Salasilah Raja Berunai, (PS/A/BRU/86/1995). Pusat Sejarah Brunei, Brunei.
- Israel, P. J. I. A. P. (tt). *Salasilah Raja-Raja Brunei*. [DUPLICATE]. Salasilah Raja-Raja Brunei, (PS/PnB/BR/0000680, PS/A/BR/86/1995, 0000680). Pusat Sejarah Brunei, Bandar Seri Bengawan.
- Jaelani, J. (2014). Sultan Muhammad Syafiuddin II: Pemimpin Kharismatik dari Ujung Utara Borneo Barat. *Khatulistiwa*, 4(2).
- Karmela, S. H. (2021). Pembelajaran Sejarah melalui Metode Karyawisata untuk Meningkatkan Kesadaran Sejarah Bagi Mahasiswa Pendidikan Sejarah FKIP Unbari. *Jurnal Ilmiah Dikdaya*, 11(1), 102-107.
- Kratz, E. U. (1980). Silsilah Raja-Raja Sambas as a source of history. *Archipel*, 20(1), 255-267.
- Lapian, A. (1996). Peta Pelayaran Nusantara dari Masa ke Masa. *Journal of Southeast Asian Studies*, 2(1).
- Larsen, I. (2012). The First Sultan of Sarawak and His Links to Brunei and the Sambas Dynasty, 1599-1826: A Little-known Pre-Brooke History. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 85(2), 1-16.
- M. Dien Majid, J. W. (2014). *Ilmu Sejarah Sebuah Pengantar*. Jakarta Prenada Media Group.

- Mardiyati, I. (2011). Perkembangan Pendidikan dan Perilaku Keberagamaan pada Masa Kesultanan Sambas. *Walisongo: Jurnal Penelitian Sosial Keagamaan*, 19(2), 335-358.
- Mohamed, N., Mohamad, M. Z., Adam, F., Faiz, M., Idris, H. M., Hassan, A. F., & Mahrus, E. (2018). Sambas Sultanate and the Development of Islamic Education. *International Journal Of Academic Research In Business And Social Sciences*, 8(11).
- Mujani, W. K., & Yusuf, N. (2016). Islam dan Missionari di Sarawak: Kesan terhadap Pendidikan pada Zaman Crown Colony, 1841-1941. *SOSIOHUMANIKA*, 3(2).
- Posha, B. Y., Sewang, A. M., Kara, S. A. H., & Siraj, A. (2018). Peran Sultan Muhammad Mulia Ibrahim Syafiuddin di Kesultanan Sambas 1931-1943 Dalam Bidang Revitalisasi Lembaga Peradilan Agama. *Jurnal Diskursus Islam*, 6(1), 175-200.
- Purwanto, B. (2020). Mengapa Indonesia Memerlukan Ilmu Sejarah? Beberapa Gagasan untuk 'Hilirisasi' Historiografi. *Bakti Budaya: Jurnal Pengabdian kepada Masyarakat*, 3(1), 4-19.
- Reza, U. (2017, 2017) *Naskah Sultan Muhammad Shafiuddin II bin Sultan Abubakar Tajuddin II (1866 - 1924)/Interviewer: A. R. Abdul Kadir*. Sambas, TP, Sambas.
- Risa. (2016). *Perkembangan Islam di Kesultanan Sambas*. Yogyakarta: Penerbit Ombak.
- Said, S. (2012). *Sejarah Awal Kepulauan Melayu: Lima Buah Negeri Warisan Sarawak yang Hilang*: Ministry of Higher Education Malaysia.
- Sambas. (tt). *Salasilah Raja-Raja Brunei dan Sambas*. [Duplicate]. Manuskrip Sambas Salasilah Raja-Raja Brunei dan Sambas, (PS/PnB/BR/0000683 PS/A/BR/89/95, 0000683). Pusat Sejarah Brunei, Bandar Seri Begawan.
- Sayono, J. (2021). LANGKAH-LANGKAH HEURISTIK DALAM METODE SEJARAH DI ERA DIGITAL. *Sejarah dan Budaya: Jurnal Sejarah, Budaya, dan Pengajarannya*, 15(2), 369-376.
- Shafiuddin, S. (1903). *Salasilah Kesultanan Sambas*. Salasilah Kesultanan Sambas.
- Shafiuddin, S. (1905). *Salasilah Kesultanan Sambas*. Salasilah Kesultanan Sambas.
- Sidik, H., & Sulistyana, I. P. (2021). Hermeneutika Sebuah Metode Interpretasi Dalam Kajian Filsafat Sejarah. *AGASTYA: Jurnal Sejarah Dan Pembelajarannya*, 11(1), 19-34.
- Siregar, H. (2013). Dynamics Of Local Islam: Fatwa of Muhammad Basiuni Imran, the Grand Imam of Sambas, on the Friday Prayer Attended by Fewer than Forty Peo-ple. *AL ALBAB-Borneo Journal of Religious Studies (BJRS)*, 2(2), 187-202.
- Suhardi, M., Mulyono, S., Syakhrani, H., Aslan, A., & Putra, P. (2020). Perubahan kurikulum lembaga pendidikan Islam di Sambas pada masa Kesultanan Sambas. *Ta'dibuna: Jurnal Pendidikan Islam*, 9(1).
- Sulasman. (2014). *Metodologi Penelitian Sejarah Bandung*: CV Pustaka Setia.